



SOALAN-SOALAN LAZIM

PERMOHONAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT SYARIKAT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Dalam tempoh Total Lockdown Fasa 1, bagaimana syarikat saya boleh mematuhi tempoh masa yang ditetapkan di bawah seksyen 141 Akta Syarikat 2016 (AS 2016)?	Dalam tempoh ini, syarikat yang ingin membuat serah simpan di bawah seksyen 141 AS 2016, boleh terus menghantar emel ke ciudocuments@ssm.com.my . Semua dokumen S141 bagi setiap syarikat hendaklah dikemukakan di dalam folder yang dinamakan seperti berikut: S141, 12345-X.
2.	Berapa lamakah tempoh bagi serahan melalui emel akan dikuatkuasakan dan sehingga bila?	Penggunaan emel bagi tujuan serah simpan di bawah seksyen 141 AS 2016 adalah hanya terpakai semasa tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1 sahaja.
3.	Adakah fi lewat serah simpan akan dikenakan dalam tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1?	SSM telah memberikan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1 dan fi lewat serah simpan dikecualikan.
4.	Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM dalam tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1?	SSM akan menawarkan semua perkhidmatan atas talian yang sedia ada.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah syarikat perlu membuat permohonan di bawah seksyen 609 AS 2016 bagi mendapatkan tempoh 30 hari tersebut bagi mengelakkan penalti lewat dikenakan?	Syarikat tidak perlu membuat permohonan di bawah seksyen 609 AS 2016 bagi tujuan ini.
6.	Bagi perubahan maklumat yang melibatkan keperluan resolusi pengarah, adakah sebarang pengecualian diberikan untuk tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1 ini kerana tandatangan pengarah sukar diperolehi?	Permohonan yang dibuat hendaklah disertakan dengan dokumen yang lengkap termasuk resolusi. <i>Lodger</i> hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat yang dikemaskini di dalam sistem MyCoID2016.
7.	Bagaimanakah serahan dokumen berkaitan menerusi serahan kaunter perlu dibuat? Contohnya seperti keperluan di bawah seksyen 76 AS 2016 sebelum notifikasi <i>Return Of Allotment</i> (ROA) yang perlu dimajukan menerusi serahan kaunter.	Bagi dokumen yang berkaitan yang perlu dihantar menerusi serahan kaunter, ia tidak boleh dihantar dalam tempoh <i>Total Lockdown</i> Fasa 1 memandangkan perkhidmatan kaunter SSM masih ditutup. Serah simpan notifikasi tersebut boleh dibuat selepas perkhidmatan kaunter kembali beroperasi.
8.	Adakah mesyuarat secara dalam talian boleh diterima dan seterusnya resolusi dimajukan kepada SSM sebagai dokumen sokongan?	<p>Mesyuarat dalam talian dibenarkan di bawah peruntukan Seksyen 327 AS 2016 dan dipraktikkan dalam kaedah berikut:</p> <p>Mesyuarat dalam talian</p> <p>(a) Syarikat perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan Seksyen 327 AS 2016 bagi memastikan semua anggota syarikat mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut termasuk hak untuk bersuara dan mengundi.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		(b) Proses dan prosedur yang jelas perlu diadakan di peringkat syarikat bagi memastikan sistem tadbir urus yang baik termasuk rekod yang menunjukkan siapa yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut termasuk persetujuan ke atas resolusi yang dibentangkan.
9.	Adakah tandatangan secara digital diterima?	<p>Tandatangan digital</p> <p>(a) SSM berpandangan bahawa perkara ini perlu diputuskan oleh syarikat termasuk memastikan teknologi yang bersesuaian serta pematuhan terhadap peruntukan undang-undang yang berkaitan, sekiranya perlu.</p> <p>(b) Setiausaha syarikat/ penyerah simpan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu mengemukakan bukti-bukti tersebut apabila diperlukan oleh Pendaftar.</p>

Tarikh: 30 Mei 2021